

(24 April 2022) - Sinar Ahad, P5

210,000 seribu Bazar Aidilfitri Jalan TAR

Orang ramai membuat persiapan bagi menyambut Aidilfitri dalam suasana berbeza

KUALA LUMPUR

Sejumlah 210,000 pengunjung direkodkan membeli-belah di Bazar Aidilfitri di Lorong Tunku Abdul Rahman (TAR) 2022 untuk persiapan hari raya sejak bazar itu beroperasi pada 9 April lepas sehingga Jumaat.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, jumlah pengunjung harian tertinggi direkodkan pula adalah pada 17 April (Ahad) lepas

iaitu seramai 21,600 orang.

“Selain perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pemakaian pelitup muka, pengunjung dinasihati sentiasa berwaspada dan menjaga keselamatan terutama mereka yang membawa kanak-kanak kecil.

“Saya juga nasihatkan pengunjung yang mahu datang supaya menggunakan pengangkutan awam seperti bas atau Transit Aliran Ringan (LRT)

untuk mudah bergerak tanpa perlu membuang masa mencari tempat letak kereta yang berkurangan,” katanya dalam satu video yang dimuat naik dalam Facebook Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Mahadi turut memaklumkan seramai 420 anggota penguat kuasa termasuk DBKL, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Jabatan Imigresen

Malaysia (JIM) ditugaskan untuk melakukan pemantauan keselamatan di bazar itu selain memastikan aliran trafik sentiasa lancar.

Bazar Aidilfitri Lorong TAR 2022 beroperasi sehingga 2 Mei ini melibatkan 206 petak khemah dengan waktu operasi dari jam 10 pagi hingga 12 tengah malam kecuali pada Jumaat, Sabtu dan Ahad hingga jam 2 pagi. - Bernama



Hujan lebat tidak menghalang orang ramai untuk membeli-belah sebagai persiapan sempena Aidilfitri ketika tinjauan di Jalan Tuanku Abdul Rahman pada malam Jumaat.



Seorang lelaki cuba memadankan baju Melayu kepada anaknya sebagai persiapan menyambut hari raya kali ini.



Suasana di Bazar Aidilfitri Jalan TAR yang dipenuhi pengunjung bagi mendapatkan barangan tidak kira siang atau malam sejak 9 April lalu.

BULAN 1
BULAN 2
BULAN 3

RM GB
35

#Tanj3Bulan

Pelanggan Baru

Data Berkelajuan Tinggi

Tune
Talk

#GOBEYOND